

Mahathir kepada konco2 Israel

Hentikan sikap talam dua muka



PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan ucapannya di hadapan 200 perwakilan di Persidangan Asia mengenai masalah Palestin di Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan tegas meminta negara-negara yang kuat menyokong Israel supaya berhenti menjadi talam dua muka. Beliau menggesa mereka mengenaikan tekanan supaya Israel menghentikan penindasan dan pencerobohan di Palestin.

Perdana Menteri berkata: "Jika dunia terus menutup mata dan telinga terhadap penguasaan dan pencerobohan Israel, ia akan menggalakkan negara-negara lain melakukan jenayah yang sama di tempat lain."

Datuk Seri Dr Mahathir hari ini merasmikan Persidangan Asia Mengenal Palestin di sini. Kira-kira 200 perwakilan dari 40 negara menghadiri persidangan anjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Antara negara yang hadir ialah Demokratik Kampuchea, Jepun, India, Russia, China, Vietnam, Pakistan dan New Zealand.

Mencabuli

Palestin diwakili oleh Menteri Luar, Enck Farrow Khadumi, Enck Shak Al-Hout dan Enck Ali Fayyad. Datuk Seri Dr Mahathir berkata, masyarakat dunia perlu tegas dalam memegang prinsip bahawa pencerobohan bukan lagi cara menyelesaikan sesuatu sengketa.

"Kita mesti menghentikan pencerobohan," tegas Perdana Menteri sambil menambahkan: "Kita perlu mengemukakan kepada Israel melalui tidak-tanduk kita bahawa mereka tidak boleh meneruskan kekejaman mereka."

Di samping itu, tegas beliau, dunia perlu menjelaskan kepada negara-negara lain yang telah mencabuli prinsip ini supaya menghentikan tindakan itu.

Beliau mahukan persidangan itu mengemukakan cadangan tegas untuk menyelesaikan masalah itu dan bukan sekadar meluluskan usul demi usul. Setakat ini, lebih 300 usul telah diluluskan mengenai Palestin.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, hak rakyat Palestin untuk menentukan nasib mereka, termasuk kewujudan negara mereka tersendiri yang merdeka, diterima tanpa pertikaian oleh sebilangan besar anggota PBB, tetapi setelah beberapa dekad, rakyat Palestin masih belum merasa hak ini.

"Ini menunjukkan kita belum bertindas dengan berangguh-sungguh dan jujur."

"Saya berharap persidangan ini akan mengemukakan cadangan bagaimana rancangan mencapai keamanan dan lain-lain langkah yang dapat membolehkan rakyat Palestin memasuki semula tanahair mereka dan juga dikembalikan kepada mereka hak-hak mereka di sana."

UCAPAN PENUH DR M DI MUKA 10

Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan, keamanan yang berkecualan di Asia Barat tidak akan tercapai selagi dunia tidak mengakui hak-hak rakyat Palestin untuk hidup di tanahair mereka sendiri serta wujud sebagai anggota masyarakat antarabangsa yang berdaulat dan bermaruah.

Beliau berkata, masalah Palestin ialah masalah keadilan dan keselamatan dunia dan demi kepentingan kemanusiaan, ia harus diselesaikan.

"Adalah sukar untuk memperceyail bahawa dalam zaman negara-negara terjajah sedang dan telah mencapai kemerdekaan dan kedaulatan, rakyat Palestin bukan saja dihindar dari mencapai kemerdekaan, tetapi diusir dari tanahair mereka."

"Jika masyarakat dunia benar-benar memegang prinsip kebebasan dan menentukan masa depan sendiri, mereka mesti bersama memastikan bahawa rakyat Palestin berhak mendapatkan tanahair yang merdeka."

"Adalah tidak bermoral untuk segolongan anggota PBB meminta rakyat Palestin atau waktunya, Pertubuhan Pembebasan Palestin, menerima syarat-syarat yang sama kesannya seperti menyerah diri."

Menurut Perdana Menteri, adalah lebih bersalah untuk tidak mengakui PLO kerana tindak-tanduk ganas orang-orang yang mengakui mereka menganggotai pertubuhan itu, lebih-lebih lagi bila ketua pergerakan penganas Israel sekarang dikifir sebagai Perdana Menteri.

"Sifat dalam dua muka inilah yang menyebabkan pembunuhan beramai-ramai di Sabra dan Shatilla," tegas Datuk Seri Dr Mahathir.

Lebih bersalah

Beliau seterusnya menegaskan, sebarang rundingan mengenai sengketa Asia Barat mestilah disertai oleh PLO dan ini penting jika pendekatan berasaskan rancangan Fez dan lain-lain hendak berjaya.

Katanya, dunia mesti mengakui hakikat bahawa PLO mewakili seluruh masyarakat Palestin dan ia perlu menyertai sebarang rundingan untuk mencari penyelesaian Asia Barat sebagai suara tunggal aspirasi rakyat Palestin.

Justeru itu, Datuk Seri Dr Mahathir menyakikan, kuasa-kuasa besar, terutama Amerika Syarikat, harus membuktikan kepada rakyat Palestin dan dunia keseluruhannya bahawa ia bersedia dan mampu menggunakan pengaruhnya untuk mendesak Israel mencari penyelesaian yang berkecualan dan boleh diterima di Asia Barat.

Perdana Menteri berpendapat, para perwakilan di persidangan itu bukan kerana negara mereka terikat dengan rakyat Palestin berpandukan bangsa atau agama, tetapi kerana mereka percaya kepada keadilan untuk kemanusiaan dan koram rakyat Palestin juga menjadi anggota masyarakat dunia, seperti negara-negara lain. Maka Datuk Seri Dr Mahathir: "Tidak siapa pun sepatutnya diusir dari tanahair mereka berulang kali, sama ada secara berkecualan atau sementara, seperti yang dialami oleh rakyat Palestin."

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia